

# BAB 1

## Pengenalan

### 1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis membincangkan berkenaan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi istilah utama, metodologi, analisis data dan organisasi kajian.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Quran adalah kitab suci bagi umat Islam. Al-Quran adalah teks *ilahi* yang mewakili bentuk bahasa Arab klasik yang paling murni, suci dan sahih. Al-Quran di dalamnya juga terdapat banyak ilmu pengetahuan yang tersembunyi. Semua itu terkandung dalam al-Quran yang terdapat pada ayat-ayat. al-Quran mengandungi 114 surah yang panjangnya tidak sama dan ayat-ayat dalam al-Quran berjumlah 6,666 (az-Zuhaili, 2003).

Sebagai umat Islam, kita diwajibkan mempelajari dan beriman kepada al-Quran kerana al-Quran dapat dijadikan sebagai pedoman manusia terutama umat terkemudian dalam menjalani kehidupan supaya memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Perintah untuk beriman kepada al-Quran, seperti dalam firman Allah SWT dalam Surah *Al-An 'Am* ayat 155:

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مَبَّارِكٌ فَأَتَّبِعُوهُ وَأَتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

(Al-Quran. Al-An'am 6:155)

Selain mempelajari dan beriman kepada al-Quran, kita juga disarankan untuk membaca dan memahami tafsir dalam al-Quran. Untuk memahami makna setiap ayat-ayat dalam al-Quran, pengetahuan mendalam tentang bahasa Arab sangat penting (Ibn Taymiyyah, 1979). Al-Zamakhshari (1993) dalam kitabnya al-Mufassal menekankan pentingnya menguasai bahasa Arab bagi memahami syariat Islam yang terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu agama. Ini merupakan satu keperluan yang jelas tidak boleh disangkal dan ia sangat jelas serta tidak boleh diselindungi. Manakala Ibn Ya'ish (1993) ketika memberikan ulasannya terhadap pendapat al-Zamakhshari menyatakan bahawa disebabkan makna yang terdapat dalam ilmu tersebut tidak dapat diketahui hakikatnya, kecuali dengan mengenali lafaz-lafaznya. Tiada cara lain, melainkan dengan menguasai ilmu bahasa Arab. Oleh itu, para cendekiawan telah berusaha dengan melibatkan diri dalam karya mereka menerangkan perkataan al-Quran, menafsirkan maknanya ke dalam bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain.

Bahasa Arab adalah salah satu bahasa di antara bahasa utama dunia yang kaya dengan pelbagai warisan dan budaya. Bahasa Arab menjadi satu di antara bahasa terbesar di dunia sejak abad pertengahan dan diakui sebagai bahasa Antarabangsa selain dari bahasa Yunani, bahasa Latin, bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol, dan bahasa Rusia. Posisi kebahasaan ini tidak hanya melukiskan jumlah dari pemakainya sahaja, tetapi kedudukannya dalam ranah dunia sejarah, serta peranan pentingnya dalam mempengaruhi perkembangan khususnya masyarakat muslim Arab (Ghozali, 2021). Menurut para ulama, bahasa Arab adalah bahasa yang paling mampu menjelaskan makna yang luas dengan lafaz atau kata yang singkat.

Hasanain, S. S. (1984) mendefinisikan frasa bahasa Arab dengan menggunakan istilah *tarkib*, iaitu gabungan unsur yang salih terkait dan menempati fungsi tertentu

dalam kalimat, atau suatu bentuk yang secara sintaksis sama dengan satu kata tunggal, dalam erti bahawa gabungan kata tersebut dapat diganti dengan satu kata sahaja.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pelbagai masalah muncul dalam masyarakat Malaysia kesan daripada perkembangan pesat dan aliran kemanusiaan serta pengetahuan saintifik masa kini. Sehingga tidak dapat menyesuaikan diri dengan sebilangan besar kaedah teknologi pendidikan moden. Kesan daripada media asing dan audio-visual dan cetak, dan rangkaian komputer yang tidak selamat menimbulkan tingkah laku ganjil, bukan hanya dalam aspek sosial di Malaysia, tetapi juga prosedur pendidikan bahasa Arab. Pembaharuan kepada masalah ini meminta lebih banyak perhatian diberikan kepada kaedah pengajaran pendidikan teori, kualiti dan kuantiti peraturan, prinsip, kaedah dan kurikulum pengajaran serta penilaian. Ini boleh merangkumi pendidikan moral, budaya dan warisan berdasarkan al-Quran dan al-Sunah.

Penggunaan bahasa Arab tidak sepenuhnya berkesan dalam agama, bahasa, nilai, warisan, dan sejarah di universiti-universiti, dan sekolah-sekolah di Malaysia khususnya. Apatah lagi dalam menguasai pemahaman kandungan ayat-ayat al-Quran, yang mewakili bahasa Arab klasik. Malahan kini, semakin ramai orang berminat dengan kandungan al-Quran terutama orang bukan Islam selepas tragedi 11 September 2001.

Seterusnya, akibat daripada pengajaran pendidikan teori, kurikulum dan penggunaan teknologi yang kurang baik sebagai penyediaan rancangan pendidikan linguistik Arab berbeza dan membawa kepada kaedah identiti. Akibatnya, ia menyebabkan beberapa kelemahan kepada pelajar-pelajar.

Dengan kelemahan-kelemahan ini, para cendekiawan sebelumnya telah memikirkan pelbagai konsep dan kaedah pengajaran pendidikan teori, kualiti dan kuantiti peraturan, prinsip, kaedah dan kurikulum pengajaran serta penilaian, juga prosedur pendidikan bahasa Arab. Maka, gabungan pendekatan ontologi dan *Latent Semantic Analysis* (LSA) telah digunakan. Keunikan bahasa Arab Semantik menjadikan gabungan LSA dan ontologi lebih ketara untuk mengekstrak konsep perkataan terpilih dalam al-Quran. Ini kerana analisis fonologi adalah langkah asas dalam pelbagai aplikasi termasuk *text mining*, pengambilan maklumat, terjemahan mesin, ringkasan automatik, dan Sistem pembelajaran bahasa Arab.

Namun, gabungan pendekatan ontologi dan LSA sebaliknya mempunyai batasan, dan kerana batasan itu, pelbagai kajian telah dilakukan untuk mengatasi kelemahan ontologi dan LSA ini dan memperkenalkan pula Analisis Semantik Laten Multi-Relasional menggunakan sinonim, antonim dan hiperim tetapi belum diterapkan pada teks Arab seperti al-Quran. Seterusnya, Kajian ontologi al-Quran kurang ketepatan bahasanya kerana bergantung pada versi terjemahan al-Quran semata-mata dan menggunakan *aplastic noun* iaitu kata nama applastik – tidak mempunyai bentuk kecuali satu (Hikmat Ullah Khan, Muhammad Saqlain, S., Shoaib, M, & Sher, M., 2013).

Literatur-literatur yang ada menunjukkan bahawa masih terdapat jurang dan masalah dalam mengekstrak konsep perkataan dalam surah al-Hajj kerana pendekatan yang tidak sesuai yang telah digunakan mengabaikan kepentingan bahasa Arab Semantik dan LSA dalam memperoleh makna perkataan dalam al-Quran.

Oleh itu, untuk mengatasi masalah di atas, dicadangkan model baharu dalam mengekstrak konsep perkataan dalam surah al-Hajj berdasarkan Analisis Leksikologi Semantik bahasa Arab dan Semantik Multi-Relasional (LEXICOLSEM) yang

menggabungkan pelbagai hubungan semantik antara perkataan yang sinonim, antonim, hiperim, hiponim, holonim dan meronim (*synonym, antonym, hypernym, hyponym, holonym dan meronym*). Ini akan meningkatkan pemahaman kandungan surah al-Hajj secara keseluruhan di kalangan masyarakat khususnya di Malaysia dan dunia Islam amnya untuk masyarakat yang lestari.

#### 1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan latar belakang masalah yang telah dipaparkan sebelum ini, maka pertanyaan yang akan diangkat pada penelitian ini adalah sebagai berikut:

1. Bagaimana bentuk model baharu bagi mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج)?
2. Bagaimanakah kaedah menganalisis perkataan dalam surah al-Hajj (الحج) mengikut corak Leksikologi Semantik Arab, dan apakah hasil penyelidikan hubungan leksikologi semantik perkataan dalam surah al-Hajj (الحج)?
3. Apakah pendapat pakar mengenai model yang dicadangkan ini?

#### 1.5 Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج), surah panjang yang cukup lengkap dalam al-Quran dengan tepat berdasarkan surah مدنية mengupas mengenai ibadah haji, peperangan, hari kiamat dan lain-lain. Untuk mencapai matlamat sedemikian, pelbagai objektif harus dicapai, yang diwakili seperti berikut:

1. Mencadangkan model yang baharu bagi mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحجّ),
2. Menganalisis perkataan dalam surah al-Hajj (الحجّ) mengikut corak Leksikologi Semantik Arab, dan menyelidik hubungan leksikologi semantik perkataan dalam surah al-Hajj (الحجّ), dan
3. Mengesahkan model yang diusulkan dengan ahli bahasa Arab, dan ahli al-Quran.

### 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk dijalankan atas beberapa sebab. Pertamanya, dengan terbinanya model baharu untuk mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحجّ) dalam al-Quran ini dapat membangunkan dan mempromosikan konsep kaedah pengajaran linguistik kepada golongan pendidikan khususnya para pensyarah, guru dan pelajar, dan untuk menanamkan konsep keagamaan serta nilai-nilai murni di dalamnya.

Keduanya, untuk memahami makna setiap ayat dalam surah al-Hajj (الحجّ), pengetahuan mendalam tentang linguistik Arab adalah sangat penting. Maka, kepentingan besarnya adalah untuk meningkatkan perkembangan kaedah pengajaran linguistik dalam kurikulum pendidikan dalam bahasa terbaik bagi penutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia dan perbandingan antara negara-negara yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan dalam pendidikan. Seterusnya, perkembangan kaedah dan kemahiran linguistik pengajaran yang berkaitan dengan kemanusiaan yang berfungsi sebagai keperluan asas pelajar untuk memperoleh kemahiran dalam mempelajari motivasi saintifik, moral, dan pembelajaran berterusan.

Ketiganya, kajian ini penting bagi penyelidik masa depan untuk meminda tingkah laku, berpendidikan lebih baik dan dengan menerapkan konsep dan peraturan pelengkap dalam bahasa terbaik untuk penutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua di

Malaysia dan kemahiran yang berkaitan dengan kemanusiaan. Seterusnya, membuat penyesuaian yang cepat antara pelajar dan cara pendidikan, dan antara pelajar dengan persekitaran melalui penerapan konsep linguistik dan peraturan pelengkap dalam bahasa terbaik untuk penutur bahasa Arab sebagai pengembangan dan pendidikan kurikulum bahasa kedua, untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan kaedah berfikir fungsional dan kritis.

Keempat, kajian ini juga penting untuk membantu pensyarah, guru, pelajar dengan menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza untuk meningkatkan tahap pendidikan linguistik Arab dalam masyarakat.

### 1.7 Skop Kajian

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini mungkin mencapai hasil yang terhad. Ini kerana kajian ini hanya membuat analisis tulisan atau karya terpilih pada abad ke-20. Skop utama kajian adalah seperti di bawah:

Pertama, kajian ini menghadkan tumpuan kepada para cendekiawan terdahulu yang berkaitan dengan terbitan karya mereka antara tahun 2000-an sehingga 2020-an. Mereka adalah Chaer, Abdul (2007), pengarang *Linguistik Umum*, Sayuti Anshari Nasution, Ahmad (2010), pengarang *Bunyi Bahasa*, Sakholid (2006), pengarang *Pengantar Linguistik dan Analisis Teori-teori Linguistik dalam Bahasa Arab*, Asma Abdul Rahman (2000-2017), pengarang *Linguistics Studies*, buku *A'liyat Tahlil al-Nass al-Qurani al-Lughawwy; Dirasah Lughawiyyah Da-Laliyyah, Modern Linguistics Studies*, Azman Ta'a, Abidin, S. Z., Abdullah, M. S., Ali, B. B. M., & Ahmad, M. (2013), pengarang *Al-Quran Themes Classification Using Ontology*, Hikmat Ullah Khan, Muhammad Saqlain, S., Shoaib, M., & Sher, M. (2013), pengarang *Ontology Based Semantic Search in Holy Quran*, dan Amr El-Desoky


Mousa, Ralf Schlüter, H. N. (2012), pengarang *Investigations On The Use of Morpheme Level Features in Language Models on Arabic LVCSR*, Ahmed Deedat (2008), pengarang *Al-Quran The Miracle of Miracles*.

Keduanya, kajian ini hanya memfokuskan pada teks-teks yang merangkumi surah al-Hajj (الحج) dalam al-Quran dan bahasa Arab yang telah dijadikan rujukan utama dalam penulisan para cendekiawan terpilih. Ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana para cendekiawan menerangkan perkataan al-Quran khususnya surah al-Hajj (الحج), mentafsirkan maknanya ke dalam bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain.

Ketiganya, kajian ini hanya akan menumpukan pada satu analisis sahaja iaitu analisis model baharu untuk mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج) dalam al-Quran. Oleh itu, kajian ini akan melalui pendekatan menganalisis kandungan teks dengan teknik teknologi inovatif baharu. Diharapkan model ini akan keluar dengan analisis yang tepat untuk mengekstrak konsep surah al-Hajj (الحج) yang akan meningkatkan pemahaman surah al-Hajj (الحج) secara keseluruhan di kalangan masyarakat di Malaysia khususnya dan dunia Islam umumnya.

### **1.8 Kerangka Konsep**

Berikut dapat digambarkan kerangka pemikiran yang dijadikan dasar pemikiran dalam penelitian ini. Kerangka tersebut merupakan dasar pemikiran dalam melakukan analisis pada kajian ini.



**Rajah 1.1:** Kerangka Konsep Kajian

## 1.9 Definisi Operasi

Berdasarkan tajuk kajian ini, terdapat empat terminologi yang memerlukan penjelasan lebih lanjut agar mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai kajian ini. Ini adalah seperti di bawah:

### 1.9.1 *Latent Semantic Analysis* (LSA)

*Latent Semantic Analysis* (LSA) (Deerwester et al.,1990) ialah model ruang vektor berterusan yang digunakan secara meluas yang memetakan perkataan dan dokumen ke dalam ruang berdimensi rendah. LSA boleh digunakan untuk mengira persamaan antara dua dokumen atau dua perkataan dalam ruang terpendam. Algoritma LSA merupakan salah satu algoritma yang dapat digunakan untuk menganalisis hubungan antara sebuah frasa atau perkataan dengan sekumpulan dokumen.

## 1.9.2 Semantik

Semantik adalah bahagian dari struktur bahasa yang berhubungan dengan makna ungkapan dan dengan struktur makna suatu pembicaraan. Definisi lain semantik adalah ilmu yang berkaitan dengan makna atau erti kata (Nasution, 2017). Makna adalah maksud pembicaraan, pengaruh satuan bahasa dalam pemahaman persepsi, serta perilaku manusia atau kelompok.

Pendapat lain dikemukakan oleh (Chaer, 2007) yang menyatakan bahawa dalam semantik yang dibicarakan adalah hubungan antara kata dengan konsep atau makna dari kata tersebut, serta benda atau hal-hal yang dirujuk oleh makna itu yang berada diluar bahasa. Makna dari sebuah kata, ungkapan atau wacana ditentukan oleh konteks yang ada.

Berdasarkan beberapa pendapat di atas dapat disimpulkan bahawa semantik adalah ilmu yang menelaah lambang-lambang atau tanda-tanda yang menyatakan makna, hubungan makna antara satu dengan yang lain, serta hubungan antara perkataan dengan konsep atau makna dari perkataan tersebut.

### 1. Pengertian Makna

Makna perkataan merupakan bidang kajian yang dibahas dalam ilmu semantik. Semantik berkedudukan sebagai salah satu cabang ilmu linguistik yang mempelajari tentang makna suatu perkataan dalam bahasa.

### 2. Jenis-jenis Makna

Jenis makna dapat dibezakan berdasarkan beberapa kriteria dan dari sudut pandang. Berdasarkan jenis semantiknya dapat dibezakan antara makna leksikal, makna gramatikal dan kontekstual. Berdasarkan ada atau tidak rujukan pada sebuah kata dapat dibezakan adanya makna *referensial* dan *nonreferensial*. Berdasarkan ada tidaknya nilai rasa pada sebuah kata dapat dibezakan adanya makna *konotatif* dan

*denotatif*. Berdasarkan ketepatan maknanya dapat dibedakan adanya makna istilah dan makna-makna kata.

### 1.9.3 Leksikologi

Leksikologi adalah cabang linguistik yang mempelajari leksikon yang merupakan komponen bahasa yang merangkumi prinsip-prinsip pembentukan kata, semua informasi tentang makna, dan penggunaan kata dalam bahasa.

Adapun leksikon maknanya adalah (1) komponen bahasa yang merangkumi semua informasi tentang makna dan pemakaian kata dalam bahasa, (2) kekayaan kata yang dimiliki seorang pembicara, penulis, atau suatu bahasa; kosa kata; perbendaharaan kata, (3) daftar kata yang disusun seperti kamus, tetapi dengan penjelasan yang singkat dan praktis. Leksikologi dapat diertikan sebagai ilmu leksikon (kamus); ilmu kosa kata (Hamid).

Menurut 'Ali al-Qasimi bahawa antara ilmu leksikologi ('ilm al-ma'ajim ) dan ilmu kosa kata ('ilm al-mufradat) adalah sama. Ia tidak membezakan dengan persepsi bahawa ilmu leksikologi merupakan perluasan dari ilmu mufradat yang bertujuan untuk menganalisis kosa kata, memahami dan menafsirkan makna kata hingga ke tahap merumuskan makna kosa kata yang baku dan fushah dan layak dimasukkan ke dalam kamus. Makna sebuah kata yang telah tercantum dalam kamus disebut dengan makna leksikon (Taufiqurrochman, 2008).

Dalam kamus ilmiah tersohor, leksikologi sepadan dengan kata leksikon (kamus) iaitu ilmu kosa kata (Gunakan). Leksikologi adalah istilah teknik untuk komponen bahasa. Dalam linguistik aliran Britania digunakan istilah *leksis*. Istilah popularnya, iaitu perbendaharaan kata atau kosa kata, mempunyai makna yang sama dengan kedua istilah itu. Cabang linguistik yang mendalami komponen ini disebut leksikologi dalam bidang ini, aliran linguistik Britania menggunakan istilah *leksis*.

Prinsip-prinsip dalam leksikologi Arab meliputi pembahasan tentang pembentukan kata, frasa, dan berkait rapat persoalan fonologi, morfologi serta semantik dan juga aspek sintaksisnya (Zuhriah, 2006).

#### **1.9.4 Hubungan Semantik antara Perkataan**

##### **1. Sinonim;**

Sinonim didefinisikan sebagai makna yang sama erti. Menurut (Grady, 2000), sinonim merupakan perkataan yang berlainan bentuk ejaan atau bunyi tetapi mempunyai makna yang sama atau hampir sama. Istilah sinonim ini tidak semestinya mempunyai persamaan seperti yang dianggap oleh masyarakat kerana tiada perkataan yang hanya mempunyai satu makna sahaja.

##### **2. Antonim;**

Manakala antonim membawa maksud kepada berlawanan makna. Berdasarkan (Kuiper, 2010) antonim didefinisikan sebagai perkataan yang berlainan bentuk ejaan atau bunyi tetapi mempunyai makna yang berlawanan.

##### **3. Hipernim;**

Hipernim atau hiperonim adalah perkataan asal daripada bahasa Yunani  $\acute{\upsilon}\pi\acute{\epsilon}\rho$ ,  $\acute{\upsilon}\pi\acute{\epsilon}\rho$ , "over", dan  $\acute{\omicron}\nu\mu\alpha$ ,  $\acute{\omicron}\nu\mu\alpha$ , "nama" iaitu kebalikan daripada hiponim. Nama lain untuk hipernim termasuk istilah payung dan istilah selimut. Sinonim bagi hiponim bersama berdasarkan hubungan peringkat yang sama (dan bukan hiponim) ialah alonim yang bermaksud "nama yang berbeza" (Wikipedia).

##### **4. Hiponim;**

Hiponim pula merujuk kepada perkataan-perkataan yang mempunyai hubungan insklusif atau pengelompokan dalam satu jenis atau himpunan golongan perkataan insklusif atau pengelompokan dalam satu jenis atau himpunan golongan perkataan.

Menurut (Grady, 2000), hiponim ialah perkataan yang mempunyai makna yang boleh mencakupi makna perkataan yang lain, di samping mempunyai hierarki dengan sesuatu perkataan yang merupakan subordinat bagi sesuatu perkataan yang dikenali sebagai superordinat. Hiponim juga dikenali sebagai pasangan kata yang meliputi yang lain bukanlah perkataan yang berlawanan atau bertentangan. Menurut (Palmer, 1999), hiponim merujuk kepada hubungan antara penggolongan dengan anggotanya. Sebagai contoh; bunga raya, mawar, orkid dan kemboja merupakan subordinat kepada bunga.

#### 5. Holonim;

Holonim berasal daripada bahasa Yunani ὅλος, hólos, "keseluruhan", dan ὄνομα, ónuma, "nama" ialah kebalikan daripada meronim. Konsep yang berkait rapat ialah mereologi, yang secara khusus memperkatakan hubungan sebahagian-keseluruhan dan digunakan dalam logik. Ia dinyatakan secara rasmi dari segi logik urutan pertama. Meronim juga boleh dianggap sebagai susunan separa. Perkataan holonim juga ialah yang menamakan keseluruhannya merupakan sebahagian daripada perkataan tertentu. Contohnya “'topi' ialah holonim untuk 'brim' dan 'crown'” (Wikipedia).

#### 6. Meronim;

Dalam linguistik, meronim ialah hubungan semantik antara meronim yang menunjukkan sebahagian dan holonim yang menunjukkan keseluruhan. Dalam istilah yang lebih mudah, meronim adalah sebahagian daripada hubungan dengan holonimnya. Sebagai contoh, jari ialah meronim tangan yang merupakan holonimnya. Begitu juga, enjin adalah meronim kereta yang merupakan holonimnya. Istilah meronim bermaksud perkataan-perkataan yang digunakan bagi menunjukkan hubungan sebahagian daripada sesuatu perkara. Contoh lain, tetikus, papan kekunci,

monitor, pembesar suara dan cakera padat merupakan peralatan untuk menghasilkan sesebuah komputer maka peralatan tersebut merupakan meronim kepada komputer.

### 1.10 Kesimpulan

Secara umumnya, kerangka tesis ini akan dibahagikan kepada lima bab dan sub bab bagi setiap bab. Bab yang pertama ialah bab pengenalan yang menekankan latar belakang, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif, kerangka konsep, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasi dan kesimpulan. Bab kedua akan membahaskan tentang penelitian yang terkait dan pendekatan konsep yang digunakan dalam melakukan penelitian kajian ini. Seterusnya bab ketiga akan menerangkan analisis teks kandungan al-Quran berdasarkan kaedah fasa kajian dengan penelitian, soal selidik dan temu bual. Bab keempat akan mengetengahkan analisis kandungan teks surah al-Hajj dengan teknik teknologi inovatif baharu. Akhir sekali iaitu bab penutup akan menyimpulkan hasil kajian, implikasi dan saranan untuk kajian lanjutan di masa akan datang.

Kesimpulannya, rangka kerja tesis yang dicadangkan adalah seperti rajah berikut:



**Rajah 1.2:** Cadangan Rangka Kerja Penulisan Tesis Untuk Keseluruhan Tesis.